



**Oleh Norul Awatif Romli**  
awatifromli@hmetro.com.my  
**Alor Setar**

**D**ua kontraktor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, berhubung tiga pertuduhan menerima rasuah RM135,000 sebagai upah mendapatkan kuota beras ST15 300 tan metrik, dua tahun lalu.

Tertuduh, Nor Azamuddin Ahmad, 47, dan Farid Idris Khan, 36, meminta dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh pertama, Nor Azamuddin, didakwa menerima suapan RM45,000 daripada Datuk Noridan Spee Yee, pemilik Syarikat DCT Bakery Sdn Bhd, sebagai dorongan mendapatkan kuota beras ST15 100 tan metrik.

Nor Azamuddin didakwa mendapatkan bekalan beras untuk perniagaan MNS Utara Enterprise dan MFM Utara Enterprise bagi Mei 2014 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di No 69 Persiaran KTC 4/3, Kulim Techno City Golf View, Kulim Hi-Tech Park, Kulim, dekat sini, jam 10 malam pada 4 Mei 2014.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menerima rasuah berjumlah RM45,000 daripada individu sama di lokasi sama sebagai upah mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 100 tan metrik bagi Jun jam 10 malam pada 6 Jun 2014.

Pertuduhan ketiga pula, Nor Azamuddin didakwa menerima rasuah RM45,000 daripada individu sama sebagai upah mendapatkan kuota beras ST15 bagi Julai, pada 2 Julai 2014.

Manakala tertuduh kedua, Farid pula didakwa bersubahat dengan Nor Azamuddin untuk melakukan ketiga-tiga kesalahan berkenaan daripada individu sama pada tarikh, waktu dan lokasi sama.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, A Hafizh Abu

FARID (kiri) dan Nor Azamuddin dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.



# Padah ambil 'toci'

## ■ Dua kontraktor didakwa terima rasuah

Bakar, yang mengendalikan kes itu meminta mahkamah menetapkan wang jaminan RM15,000 bagi setiap kes dengan seorang penjamin untuk setiap tertuduh.

Bagaimanapun, peguam Ang Chun Pun yang mewakili kedua-dua tertuduh memohon mahkamah mengurangkan wang jaminan kepada kadar munasabah berikutan tertuduh masing-masing mempunyai tanggungan isteri dan anak.

"Nor Azamuddin mempunyai tiga anak masih bersekolah, manakala Farid mempunyai dua anak kecil selain isteri kedua-dua tertuduh tidak bekerja," katanya.

Zulhazmi membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM8,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin, manakala 3 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Isu ketirisan beras ST15 ddedahkan akhbar ini sejak 23 Oktober 2014 sehingga kementerian mengumumkan di Dewan Rakyat, lesen 600 pemborong beras dibatalkan dan mereka dikehendaki menjalani proses temu duga sebelum yang layak diberikan kuota semula.

Laporan bersiri secara eksklusif itu mendedahkan ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Ma-



LAPORAN Harian Metro 23 Oktober 2015.

laysia (UPM) Serdang terhadap empat sampel beras 10 kilogram mendapati semuanya mempunyai peratusan hancur berkali ganda jauh lebih tinggi berbanding dicatat pada label.

Seorang bekas pegawai kanan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) yang 17 tahun berkhidmat dengan agensi itu turut mengesahkan wujud amalan rasuah dalam pengagihan kuota beras ST15 dan sogokan itu dinamakan bayaran 'toci'.

Katanya, istilah toci difahami pemain industri beras dan wang wang sogokan itu perlu diberi pemborong beras untuk memastikan mereka kekal atau mendapat tambahan kuota khas beras ST15.

Pembongkaran Harian Metro mencapai kemuncaknya apabila Menteri Pertanian dan Industri



LAPORAN Harian Metro 20 April 2015.

Asas Tani ketika itu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam persidangan Dewan Rakyat 20 November 2014 mengumumkan lesen semua 600 pemborong beras dibatalkan.

Beliau mengumumkan semua pemborong beras terbabit dikehendaki menjalani proses temu duga semula sebelum yang benar-benar layak akan memperolehnya semula.

Pada 30 Oktober 2015, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Ahmad Shabery Cheek yang menggantikan Ismail Sabri mengumumkan subsidi beras ST15 dirasionalisasikan bermula 1 Januari 2016 dan tidak diteruskan pada tahun seterusnya.

Keputusan itu dikatakan selaras dengan usaha kerajaan bagi merasionalisasikan subsidi termasuk subsidi beras ST15 peratus hancur untuk pasaran Semenanjung dan Beras Import S15 peratus hancur untuk pasaran Sabah dan Sarawak.